

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8289

SOALAN:

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah pihak Kerajaan Persekutuan Malaysia telah menyerahkan (surrender) seorang banduan di Sabah yang dikenali sebagai Manuel Amalilio kepada pihak Kerajaan Filipina.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin dijelaskan bahawa individu yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Penampang bukanlah seorang banduan tetapi telah didakwa terlibat dengan kegiatan penipuan di Filipina dan pertuduhan telah dikenakan ke atasnya oleh pihak berkuasa Filipina. Dalam hal ini, Kerajaan Filipina telah mengemukakan permintaan untuk mengekstradisi individu tersebut ke Filipina untuk dibicarakan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia tidak dapat memenuhi permintaan Kerajaan Filipina untuk mengekstradisi individu yang dimaksudkan itu kerana buat masa ini tiada triti ekstradisi di antara kedua-dua buah negara.